Bahasa Melayu
Tahun 5

Kemahiran Membaca

SK : 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan multimedia.
SP : 2.2.1 Membaca dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

Membaca

Kenali Wang Kita

Semasa di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, Farisha dan kawan-kawan telah membaca cara mengenal pasti ketulenan wang kertas Malaysia pada panel skrin.

KAEDAH SENTUH

Sentuh mata wang kertas kamu dan pastikan:
- wang kertas – rasa sedikit kesat dan cetakan timbul pada bahagian potret Yang di-Pertuan Agong dan teks
- wang polimer – rasa cetakan timbul pada potret Yang di-Pertuan Agong dan teks





KAEDAH LIHAT

Lihat wang kertas kamu dengan berlatarbelakangkan cahaya dan pastikan kamu dapat melihat:
- potret tanda bayang Yang di-Pertuan Agong tiga dimensi, tanda dan tingkap pandang telus

KAEDAH SENDENG

Pegang wang kertas kamu dan sendengkannya sedikit. Kamu akan dapat melihat pergerakan imej dan perubahan warna pada benang keselamatan dan petak kilat berwarna.





KAEDAH PERIKSA

Periksa wang kertas dengan peralatan seperti:
- peranti cahaya ultraungu – substrat kertas akan berkilau pada ciri-ciri keselamatan tertentu
- kanta pembesar – tulisan teks bersaiz mikro kelihatan jelas



Aktiviti

Membaca maklumat untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

LIVEWORKSHEETS

Lengkapkan dialog di bawah dengan maklumat yang betul.

akan berkilau pada ciri-ciri keselamatan tertentu	cetakan timbul pada potret Yang di-Pertuan Agong dan teks
kaedah lihat	kaedah periksa
kaedah sentuh	di hadapan cahaya

Farisha : Pada pendapat kamu, kaedah manakah yang lebih berkesan untuk mengenal pasti ketulenan wang kertas Malaysia?

Sofea : Pada pendapat saya, _____ kerana kaedah ini lebih berkesan dan mudah hanya dengan menggunakan jari kita sudah dapat rasa sedikit kesat dan _____.

Farisha : Apa pendapat kamu pula Afifi?

Afifi : Pada pendapat saya, saya memilih _____ kerana kaedah ini paling mudah hanya meletakkan wang kertas _____ dan kamu akan dapat melihat potret tanda bayang Yang di-Pertuan Agong tiga dimensi, tanda dan tingkap pandang telus.

Farisha : Bagus pendapat rakan-rakan. Pada saya pula, saya akan memilih _____ kerana lebih terperinci dan jelas dapat dibuktikan apabila peranti cahaya ultraungu akan membuatkan substrat kertas _____.

LIVEWORKSHEETS